

Lima negara kuasa veto akan tentang penyusunan semula Majlis Keselamatan

UM 29 SEP 2003

SUBANG 26 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, lima negara pemegang kuasa veto dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak akan bersetuju dengan sebarang cadangan penyusunan semula badan dunia itu jika menjejaskan kedudukan dan pengaruh mereka.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, usaha menyusun semula struktur PBB mesti diteruskan walaupun proses itu akan mengambil masa yang panjang dan rumit.

Katanya, usaha sedemikian tidak mudah dilakukan kerana perlu mendapat persetujuan dari lima anggota tetap Majlis Keselamatan iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Russia dan China.

Kata Perdana Menteri, tekadan perlu terus dibuat supaya PBB disusun semula bagi membolehkan badan dunia itu lebih demokratik pada masa akan datang.

Perdana Menteri berkata, sekiranya usaha itu tidak dilakukan, PBB tidak akan menjadi badan yang demokratik sampai bila-bila pun.

Dan dunia akan dikongkong oleh lima buah negara (kuasa besar) ini," katanya kepada pemberita sejurus selepas tiba dari lawatan ke luar negara, di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengadakan lawatan ke London, Sweden dan New York untuk berucap pada sesi ke-58 Perhimpunan Agung PBB serta ke Monaco.

Beliau mengulas mengenai cadangannya yang disampaikan menerusi ucapan pada sesi ke-58 Perhimpunan Agung PBB supaya badan dunia itu merombak sistem kuasa veto yang dimiliki lima negara.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri menegaskan, PBB perlu disusun semula khususnya dalam menghapuskan amalan tidak demokratik yang membenarkan biarpun satu negara menggunakan kuasa veto.

Beliau mencadangkan supaya keistimewaan itu digantikan dan dipinda dengan dua kuasa veto yang memerlukan sokongan tiga negara anggota bukan tetap Majlis Keselamatan bagi menghalang sebarang resolusi PBB.

Katanya, meskipun negara-negara kuasa besar terabit sering bercakap mengenai demokrasi dan mahu supaya dunia menjadi demokratik tetapi ada kalangan mereka menggunakan kekerasan untuk memaksa negara lain menerima sistem demokrasi.

"Tapi apabila negara-negara ini sendiri tidak mengamalkan demokrasi, mereka anggap sebagai satu hak istimewa kepada mereka.

"Tapi dalam (sistem) demokrasi kita tidak terima hak keistimewaan seperti ini melainkan dengan persetujuan semua pihak. Ini jelas sekali bahawa majoriti daripada negara-negara yang menjadi ahli dalam PBB tidak bersetuju dengan keadaan sekarang," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh, dua negara iaitu Amerika Syarikat dan Britain jelas tidak demokratik kerana sanggup mengeneipkan PBB sedangkan mereka telah berikrar untuk bertindak hanya dengan persetujuan PBB.

Beliau merujuk kepada penaklukan tentera Amerika Syarikat dan Britain ke atas Iraq Mac lepas yang tidak mendapat mandat PBB.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, perjuangan untuk menyusun semula PBB itu akan mengambil masa yang panjang.

Semasa di London pada 22 September, beliau berucap di School of Oriental and Afri-

can Studies, University of London sebelum berlepas ke Sweden keesokan harinya untuk mengadakan lawatan rasmi dua hari.

Beliau kemudian berlepas ke New York untuk berucap pada sesi ke-58 Perhimpun-

an Agung PBB dan mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dan beberapa pemimpin lain.

Perdana Menteri tiba di Monaco pada 26 September untuk lawatan selama dua hari ke negara berkenaan.

Semasa lawatannya itu, Dr. Mahathir melawat Perhimpunan Perahu Layar Monaco 2003 dan melakukan pelancaran tidak rasmi Pendaftaran Perahu Layar Langkawi di atas kapal Lady Halima, milik seorang rakyat Malaysia.